

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

SOALAN NO. 518

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pinjaman yang telah disalurkan kepada setiap institusi pengajian swasta secara terperinci bagi setiap institusi pada tahun 2018 dan 2017.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menyediakan pinjaman kepada institusi pendidikan swasta. Walau bagaimanapun, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 5 Disember 2012, KPM telah menyalurkan peruntukan geran mengurus kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR) bermula tahun 2013 sehingga tahun 2018 seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2013	55,710,000
2014	60,000,000
2015	60,000,000
2016	51,000,000
2017	30,000,000
2018	30,000,000
Jumlah	286,710,000